

**ANALISIS PERSPEKTIF KETERANGAN BERHUBUNG PENGUATKUASAAN  
KESALAHAN JENAYAH SYARIAH DI ALAM SIBER**

***ANALYSIS OF THE PERSPECTIVE ON THE DESCRIPTION REGARDING THE  
ENFORCEMENT OF SHARIA CRIMINAL OFFENSES IN THE CYBER WORLD***

\*<sup>i</sup> Suhaizad Saifuddin

\*<sup>i</sup> Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia , 43600 Bangi, Selangor Darul Ehsan. Malaysia

\*(Corresponding author) e-mail: suhaizad@ukm.edu.my

**ABSTRACT**

The enforcement of Sharia criminal laws is one mechanism for controlling the well-being of Muslims in Malaysia. However, the enforcement of these laws face challenges in the current era of borderless technology. There are Sharia criminal offenses occurring in cyberspace that cannot be enforced under Sharia law due to constraints, including evidentiary aspects. These challenges make the enforcement of Sharia criminal laws in the country not in line with the pace of technological advancements. This writing aims to analyze the enforcement of Sharia criminal laws in cyberspace, focusing on the evidentiary aspects in this country, while proposing resolutions to the arising issues. The study employs a qualitative method and a doctrinal approach. Data is obtained through library research, legal statutes, and reported or unreported cases. The collected data is then analyzed using content analysis. The findings of this writing reveal several issues arising from the evidentiary aspects that hinder the effective enforcement of Sharia criminal laws in cyberspace. Therefore, the writing suggests that appropriate measures be taken to ensure a more effective enforcement of Sharia criminal laws in cyberspace, aligning with the current developments in the world.

***Keywords:*** Sharia, Criminal Law, Cyber World, Evidentiary

## ABSTRAK

Penguatkuasaan undang-undang jenayah syariah merupakan salah satu mekanisme bagi mengawal kesejahteraan umat Islam di Malaysia. Walau bagaimanapun, penguatkuasaan undang-undang tersebut menghadapi cabaran ketika dunia sedang melalui zaman teknologi tanpa sempadan. Terdapat kesalahan jenayah syariah yang berlaku alam siber tetapi tidak dapat dikuatkuasakan di bawah undang-undang syariah disebabkan oleh kekangan termasuklah dari aspek keterangan. Cabaran yang wujud menjadikan penguatkuasaan undang-undang jenayah syariah di negara ini tidak seiring dengan peredaran zaman. Penulisan ini bertujuan untuk menganalisis penguatkuasaan undang-undang kesalahan jenayah syariah yang berlaku di alam siber dari aspek keterangan di negara ini di samping mengemukakan cadangan sebagai resolusi terhadap permasalahan yang timbul. Penulisan ini menggunakan kaedah kualitatif dan pendekatan secara doktrinal. Data diperolehi menerusi kajian perpustakaan, statut undang-undang dan kes-kes yang dilaporkan atau tidak dilaporkan. Data yang diperolehi ini selanjutnya dianalisis menerusi kaedah analisis kandungan. Hasil penulisan mendapati terdapat beberapa isu yang timbul dari aspek keterangan bagi menguatkuasakan undang-undang kesalahan jenayah syariah di alam siber secara efektif. Justeru, penulisan ini mencadangkan agar tindakan sewajarnya diambil bagi menjamin penguatkuasaan undang-undang jenayah syariah di alam siber yang lebih efektif selaras dengan perkembangan dunia semasa.

**Kata kunci:** *Mahkamah Syariah, Jenayah Syariah, Alam Siber, Undang-undang Keterangan, Keterangan Digital.*

### Pengenalan

Masalah penguatkuasaan jenayah syariah di negara ini disemarakkan lagi pada zaman teknologi dan digital. Kecanggihan teknologi maklumat telah membantu membuka ruang seluas-luasnya untuk sesuatu kesalahan jenayah dilakukan dalam tempoh masa yang pantas dan singkat. Jenayah berkaitan dengan siber merupakan suatu bentuk perlakuan jenayah yang menggunakan sebarang jenis peranti elektronik melalui sambungan perkhidmatan internet yang membolehkan seseorang perlakuan jenayah dilakukan sama ada ia melibatkan seseorang individu atau sekumpulan orang serta mampu menjangkau batasan dari seseorang negara ke negara yang lain dalam tempoh masa yang singkat dan tidak terhad batasan (Anita & Nazura, 2004). Antara jenayah syariah yang kerap berlaku di alam siber ialah ancaman ke atas akidah umat Islam yang semakin bertambah apabila dunia menjadi semakin terbuka melalui hubungan sosial yang meluas, kemajuan internet dan kemudahan maklumat. Pemikiran yang bercanggah dengan akidah Islam seperti sekular, liberal dan Syiah mula merebak ke atas generasi muda umat Islam (Jasni, 2016). Selain itu, penyebaran fahaman Indie, Ateis dan Agnotisme melalui saluran media sosial di alam siber juga berlaku di negara ini. Fahaman ini juga membawa fahaman luar tabie seperti LGBTQI, fahaman nudist atau apa sahaja kebebasan individu (Nurul Athira & Hendun, 2020). Kebebasan penggunaan alam siber ini juga telah membuka ruang kepada usaha penyebaran jenayah syariah kepada masyarakat. Penyelewengan akidah dan isu ajaran sesat adalah masalah yang semakin berleluasa di Malaysia dengan wujudnya pelbagai jenis fahaman dan ajaran yang menyesatkan akidah yang juga berlaku melalui medium alam siber. Selain kesalahan berkaitan akidah, kesalahan berkaitan dengan moral seperti berjudi di atas talian, perbuatan zina dan sebagainya antara kesalahan jenayah syariah yang berlaku di alam siber.

### Sorotan Literatur

#### **Bidang kuasa Penguatkuasaan Undang-undang Jenayah Syariah di Malaysia**

Berdasarkan Senarai Dua, Jadual Kesembilan, Perlembagaan Persekutuan, bidangkuasa kes jenayah syariah di negara ini diletakkan di bawah pentadbiran negeri-negeri. Walau bagaimanapun, bidangkuasa hukuman kes jenayah syariah di negara ini masih tertakluk di bawah Akta Mahkamah Syariah (Bidang kuasa Jenayah) 1965 (Pindaan) 1984 yang telah menghadkan hukuman kepada denda lima ribu ringgit, tiga tahun pemenjaraan dan enam kali sebatan. Oleh hal yang demikian, penggubalan setiap kesalahan

jenayah syariah yang diperuntukkan menerusi enakmen substantif adalah terbatas kepada bidangkuasa tersebut. Di samping bidang kuasa hukuman, penguatkuasaan undang-undang jenayah syariah di Malaysia juga adalah tertakluk kepada bidang kuasa tempatan sesebuah negeri selaras dengan Perlembagaan Persekutuan. Oleh yang demikian, seseorang yang dipertuduhkan atas sesuatu kesalahan yang dilakukan di sebuah negeri, hanya tertakluk kepada undang-undang yang berkuatkuasa di negeri tersebut sahaja. Had bidang kuasa ini diperuntukkan di bawah seksyen 67 dan 68 Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Selangor) 2003. Tambahan lagi, penguatkuasaan undang-undang jenayah syariah di negara ini dikhususkan kepada orang Islam sahaja dan ia tidak terpakai kepada orang bukan Islam. Ia dinyatakan secara jelas melalui seksyen 1 (2) Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995 yang menghadkan pemakaian dan penguatkuasaan enakmen tersebut kepada orang Islam sahaja. Pemakaian bidang kuasa ini boleh diperhatikan dalam kes *Pendakwa Syarie Iwn. Fahyu Hanim, Noni Mohamad & Sharina Shaari*. Dalam kes ini, ketiga-tiga tertuduh telah disabitkan bersalah dan dikenakan hukuman di bawah seksyen 31 Enakmen Jenayah Syariah Negeri Selangor 1995 berhubung dengan kesalahan perbuatan tidak sopan dan dibawah seksyen 12 (C) enakmen yang sama berhubung kesalahan melanggar fatwa yang mengharamkan wanita Islam menyertai apa-apa pertandingan Ratu Cantik. Oleh kerana kesemua tertuduh merupakan orang Islam dan melakukan kesalahan di Selangor, Mahkamah Syariah Selangor mempunyai bidang kuasa untuk mendengar, membicarakan dan menjatuhkan hukuman terhadap kesemua tertuduh berhubung dengan kesalahan tersebut. Pematuhan terhadap bidang kuasa ini juga penting bagi mengelakkan tertuduh dilepaskan dan dibebaskan tanpa pendakwaan. Kesilapan dalam tatacara penangkapan yang melibatkan negeri yang berlainan sebagai mana yang berlaku dalam kes *Kassim Ahmad* sebagaimana yang dijelaskan melalui penghakiman kes *Kassim @ Osman Ahmad Iwn Dato' Seri Jamil Khir Baharom & 3* yang lain perlu dihindari. Dalam kes ini tertuduh dilepaskan tanpa dibicarakan oleh Mahkamah Tinggi Sivil berikutan tatacara bersaling yang dilakukan oleh pihak Pegawai penguatkuasa Agama (PPA) Wilayah Persekutuan perlu dijadikan panduan agar kesilapan yang sama tidak lagi berulang.

### **Pemakaian Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah**

Penggubalan Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (EKMS) telah melalui fasa penggubalan yang unik dan tersendiri. Menurut Ahmad Ibrahim EKMS digubal dengan merujuk kepada Akta 56 dan disesuaikan dengan hukum syarak atau dikenali sebagai kaedah mengintegrasikan undang-undang Inggeris dan syariah (Ahmad Ibrahim, 1995). Melihat kepada objektif Akta 56 digubal, ia bertujuan untuk menentukan tiga perkara utama. Perkara-perkara tersebut merangkumi penentuan fakta yang boleh dikemukakan di mahkamah, menetapkan jenis keterangan yang boleh dikemukakan untuk membuktikan kewujudan fakta dan menentukan siapa dan bagaimana keterangan dikemukakan dalam proses pembuktian (James Fitjames, 1936). Tujuan ini juga terpakai bagi pemakaian EKMS. Bagi maksud untuk menggabungkan di antara kedua-dua undang-undang ini, iaitu hukum syarak dan kerangka Akta 56, maka beberapa kaedah atau pendekatan telah dilakukan dalam proses penggubalan enakmen keterangan Mahkamah Syariah. Pertama menerusi kaedah pemansuhan mana-mana peruntukan yang bercanggah dengan hukum syarak. Begitu juga misalan-misalan yang di luar bidang kuasa Mahkamah Syariah disisihkan daripada dimasukkan ke dalam EKMS. Kaedah kedua ialah dengan mengguna pakai semua peruntukan yang tidak bercanggah dengan hukum syarak dan bidang kuasa Mahkamah Syariah. Pendekatan ini dikenali sebagai *Ihtisab al-Asl* (Ruzman, 2015). Sementara kaedah yang terakhir merupakan pemakaian pelbagai pendapat mazhab dan ulama sama ada melalui pendekatan *al-Talfiq* dan *al-Takhayyur*. *Al-Talfiq* bermaksud mengambil pandangan mazhab lain dalam satu urusan tertentu bersama dengan pandangan mazhab yang sedia diamalkan. Sementara *al-Takhayyur* pula ialah memilih mazhab lain dalam sesuatu urusan (Ruzman, 2008). Pendekatan ini boleh dilihat dalam pemakaian prinsip *al-Bayyinah* dan *al-Syahadah* dengan menerima pandangan beberapa mazhab misalnya pendapat Ibn Qayyim yang bermazhab Hanbali dalam menentukan maksud *al-Bayyinah*. Walau bagaimanapun terdapat perbezaan dari sudut terma yang diguna pakai menerusi EKMS dan prinsip syariah. Menerusi EKMS, terma keterangan merupakan induk kepada pembuktian yang termasuk di bawahnya. Cara-cara untuk membuktikan suatu fakta termasuk dibawah terma keterangan. Manakala berdasarkan prinsip syariah, terma pembuktian merupakan asas kepada keterangan. Hal ini bermaksud pembuktian sesuatu kes berlaku melalui metode keterangan yang

pelbagai seperti *al-Iqrar* dan *al-Syhadah*.

### **Kes-Kes Kesalahan Jenayah Syariah di Alam Siber**

Antara kes jenayah syariah yang kerap berlaku di alam siber ialah kesalahan-kesalahan berkaitan dengan akidah umat Islam. Pada tahun 2021, negara kita digemparkan dengan berita seorang wanita bernama Masitah Ad Jalar yang digelar “Sittah Annur” yang juga merupakan ketua ajaran Perjalanan Mimpi Yang Terakhir (PMYT). Wanita ini telah menyebarkan ajaran menyentuh akidah melalui beberapa platform media sosial seperti Youtube, Facebook dan Tik Tok. Antara kandungan rakaman video yang tular tersebut adalah pengakuan wanita terbabit yang mendakwa dirinya boleh berhubung terus dengan Allah, malaikat dan Nabi Muhammad SAW selain mendakwa mimpi perjalanan terakhir diturunkan kepada dirinya sebagai panduan untuk umat yang lain dan sesiapa yang menyakiti atau menghalang dirinya dari menyampaikan ajaran boleh dicabut nyawa oleh Allah (Free Malaysia Today, 2023). Wanita ini telah ditahan dan disiasat oleh pihak berkuasa di bawah seksyen 298A Kanun Keseksaan dan seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 kerana menyebabkan suasana tidak harmoni, pepecahan atau permusuhan serta penggunaan tidak wajar kemudahan rangkaian atau perkhidmatan rangkaian. Walau bagaimanapun wanita tersebut tidak didakwa di mahkamah selepas membuat pengisytiharan taubat secara terbuka (Astro Awani, 2023). Pada tahun yang sama juga, polis telah menahan lelaki yang bukan beragama Islam yang sebelum ini menimbulkan kegusaran umat Islam menerusi rakaman video di media sosial, berhubung tindakannya memurtadkan wanita Islam. Lelaki terbabit telah memuat naik klip video berdurasi tiga minit 11 saat melalui platform Youtube atas nama akaun Happy Family Malaysia pada pertengahan Februari lalu dan siasatan dijalankan mengikut seksyen 4(1) Akta Hasutan 1948, seksyen 298 dan seksyen 505 (c) Kanun Keseksaan dan Seksyen 233 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (Berita Harian, 2023).

Pada tahun 2022 pula, seorang lelaki didakwa mempersenda serta menghina umat dan agama Islam serta Nabi Muhammad SAW, iaitu secara sedar telah membuat dan memulakan penghantaran komunikasi jelik dengan niat untuk menyakitkan hati orang lain, yang boleh ditonton melalui aplikasi youtube. Lelaki beragama Islam ini didakwa mengikut seksyen 233 (1) (a) Akta Komunikasi dan Multimedia 1998. Beliau yang telah membuat pengakuan bersalah telah dihukum dengan denda sebanyak RM 50,000.00 atau 6 bulan pemenjaraan sekiranya gagal membayar denda (Berita Harian, 2023). Pada 28 Februari 2023, Seorang wanita bernama Wan Masri Wan Mohd, yang merupakan pengasas ajaran sesat Kumpulan Zikir Asmaul Husna didakwa di Mahkamah Tinggi Syariah Seremban atas pertuduhan menyebarkan ajaran salah kepada sekumpulan orang Islam dengan menyatakan dia adalah jurutaip Allah. Tertuduh yang didakwa melakukan kesalahan mengikut seksyen 52 Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Sembilan) 1992 pindaan 2019 walau bagaimanapun membuat pengakuan tidak bersalah dan minta dibicarakan. Walaupun pendakwaan yang dikenakan tidak melibatkan kesalahan yang berlaku melalui alam siber, namun kes ini telah diketahui secara umum dan meluas bahawa fahaman ajaran ini telah tersebar melalui media sosial (Utusan, 2023). Beberapa bulan selepas itu, sekali lagi masyarakat Islam di negara ini digemparkan dengan satu rakaman video berdurasi seminit 17 saat yang tular di aplikasi Tik Tok memaparkan empat lelaki mengaku menyokong ajaran Si Hulk atau ajaran Suhaini bin Mohammad dan menyebut beberapa ayat menyeleweng akidah, antaranya Nabi Muhammad SAW adalah tuhan. Pihak berkuasa telah mengesan pelaku-pelaku yang terlibat walau bagaimanapun tiada tindakan selanjutnya dilaporkan (Berita Harian, 2023).

Selain kesalahan berkaitan akidah, kesalahan judi dalam talian juga antara kesalahan yang semakin menular di kalangan orang Islam di negara ini. Terdapat dua modus operandi bagi aktiviti judi dalam talian dikenal pasti. Pertama, menjadikan kedai makanan sebagai lokasi berkumpul dan melalui pautan aplikasidi telefon pintar. Di kedai makan, pelanggan akan bermain judi secara dalam Kumpulan dengan maksimum enam orang menggunakan perkhidmatan jalur lebar (wifi) di premis berkenaan. Penjaga kedai makan pula menjadi mata-mata yang akan mengagihkan tablet kepada pemain. Setiap kumpulan pula akan dikawal oleh seorang penjaga yang berperanan sebagai penyelia untuk memasukkan kredit ke dalam tablet. Modus operandi kedua adalah melalui pautan pada aplikasi di telefon pintar di mana

pengendali judi dalam talian akan memberikan satu pautan yang memerlukan pemain memuat turun aplikasi dalam talian akan memberikan satu pautan yang memerlukan pemain memuat turun aplikasi menggunakan telefon pintar milik pemain. Pemain kemudiannya boleh menggunakan data internet dari telefon pintar untuk bermain dengan pengendali akan membekalkan nama pengguna dan kata laluan bagi membolehkan pemain membuka aplikasi tersebut (Utusan Malaysia, 2017). Aktiviti judi dalam talian juga telah meningkat di negara ini. Sindiket perjudian menjadikan orang ramai yang berada di rumah, terutamanya kaki judi sebagai sasaran pelanggan mereka. Mereka menyasarkan kaki judi dengan pelbagai tawaran dan kegiatan ini dikesan semakin meningkat apabila ramai orang yang berada di rumah terbabit dalam permainan perjudian atas talian (Berita Harian, 2020). Pada tahun 2022, seramai 370 wanita beragama Islam ditahan sepanjang kerana menjadi ejen yang mempromosikan judi secara dalam talian di negeri ini. Bagi tahun 2023 (sehingga bulan Jun), seramai 67 wanita beragama Islam turut ditahan kerana melakukan tindakan sama. Antara alasan mereka berbuat demikian adalah tawaran pendapatan harian yang lumayan (Utusan Malaysia, 2023).

## Metodologi

Penulisan ini menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif yang dibahaskan secara penyelidikan doktrin undang-undang (*doctrinal legal research*). Penulisan ini memperolehi data-data dari sumber primer dan sekunder. Bagi data primer, data yang diperlukan di ambil menerusi metode dokumentasi undang-undang seperti statut dan laporan kes-kes di Mahkamah. Sementara data sekunder diperolehi daripada dokumentasi-dokumentasi yang lain seperti kitab turath, buku, artikel dan akhbar. Selanjutnya, bagi menganalisis data yang diperolehi, penulis mengguna pakai metode analisis kandungan.

## Perbincangan

Undang-undang keterangan merupakan salah satu aspek penting dalam sesebuah perbicaraan kes. Pemakaian kepada aspek keterangan merupakan salah satu unsur yang perlu ada dalam sesebuah perbicaraan seterusnya menghasilkan penulisan alasan penghakiman yang baik. Aspek keterangan perlu dijelaskan secara teliti dan terperinci dalam sesebuah penghakiman. Pemakaian aspek keterangan amat signifikan bagi menjaga pandangan masyarakat terhadap kredibiliti mahkamah syariah seterusnya menzahirkan prinsip keadilan dan kesaksamaan yang ditegakkan (Suhaizad, Ahmad 'Azam, Helmi & Azhan, 2021). Walaubagaimanapun, dalam penguatkuasaan kesalahan jenayah syariah yang berlaku di alam siber, terdapat beberapa kelemahan dikenal pasti seperti aspek bidang kuasa, siasatan, hukuman, fatwa dan juga keterangan. Dari aspek keterangan, kelompangan undang-undang atau lakuna Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah menjadi masalah utama.

Ketiadaan peruntukan undang-undang berhubung kebolehterimaan dokumen yang dikeluarkan oleh komputer sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 90 A, 90 B dan 90 C Akta Keterangan [Akta 56] boleh menyukarkan pihak pendakwa untuk mengemukakan keterangan berbentuk dokumen cetakan komputer seperti gambar dan resit. Peruntukan-peruntukan ini menetapkan bahawa:

*Seksyen 90 (A)(1): Dalam mana-mana prosiding jenayah atau sivil sesuatu dokumen yang dikeluarkan oleh komputer, atau sesuatu pernyataan yang terkandung dalam dokumen itu, hendaklah boleh diterima sebagai keterangan mengenai apa-apa fakta yang dinyatakan dalamnya jika dokumen itu telah dikeluarkan oleh komputer itu dalam perjalanan penggunaannya yang biasa, sama ada atau tidak orang yang mengemukakan dokumen itu ialah pembuat dokumen atau pernyataan itu.*

*Seksyen 90 (A)(2): Bagi maksud seksyen ini boleh dibuktikan bahawa sesuatu dokumen telah dikeluarkan oleh komputer dalam perjalanan penggunaannya yang biasa dengan mengemukakan kepada mahkamah suatu perakuan yang telah ditandatangani oleh seseorang yang sama ada sebelum atau selepas pengeluaran dokumen itu oleh komputer itu bertanggungjawab bagi pengurusan pengendalian komputer itu, atau bagi perjalanan aktiviti yang baginya komputer itu digunakan.*

*Seksyen 90 (A) (3) (a): Adalah mencukupi, dalam sesuatu perakuan yang diberikan di bawah subseksyen (2), jika suatu hal dinyatakan sepanjang pengetahuan dan*

*kepercayaan orang yang menyatakannya. (b) Sesuatu perakuan yang diberikan di bawah subseksyen (2) boleh diterima sebagai keterangan sebagai bukti prima facie bagi semua hal yang dinyatakan dalamnya tanpa bukti tandatangan orang yang memberikan perakuan itu.*

*Seksyen 90 (A) (4): Jika sesuatu perakuan diberikan di bawah subseksyen (2), hendaklah dianggap bahawa komputer yang disebut dalam perakuan itu dalam keadaan yang baik dan beroperasi dengan baik dari segala segi sepanjang bahagian material tempoh dokumen itu dikeluarkan.*

*Seksyen 90 (A) (5): Sesuatu dokumen hendaklah disifatkan telah dikeluarkan oleh komputer sama ada ia telah dikeluarkan olehnya secara langsung atau dengan menggunakan apa-apa kelengkapan yang sesuai, dan sama ada atau tidak terdapat apa-apa campur tangan manusia secara langsung atau tidak langsung.*

*Seksyen 90 (A) (6): Sesuatu dokumen yang dikeluarkan oleh komputer, atau sesuatu pernyataan yang terkandung dalam dokumen itu, boleh diterima sebagai keterangan sama ada atau tidak ia dikeluarkan oleh komputer itu selepas bermulanya prosiding jenayah atau sivil atau selepas bermulanya apa-apa penyiasatan atau siasatan yang berhubungan dengan prosiding jenayah atau sivil atau penyiasatan atau siasatan itu, dan apa-apa dokumen yang dikeluarkan sedemikian oleh komputer itu hendaklah disifatkan telah dikeluarkan oleh komputer itu dalam perjalanan penggunaannya yang biasa.*

*Seksyen 90 (A) (7): Walau apa pun apa-apa jua yang terkandung dalam seksyen ini, sesuatu dokumen yang dikeluarkan oleh komputer, atau sesuatu pernyataan yang terkandung dalam dokumen itu, tidak boleh diterima sebagai keterangan dalam apa-apa prosiding jenayah, jika ia diberikan sebagai keterangan oleh atau bagi pihak orang yang dipertuduh atas suatu kesalahan dalam prosiding itu jika orang yang dipertuduh atas kesalahan itu ialah orang yang— (a) bertanggungjawab bagi pengurusan pengendalian komputer itu atau bagi perjalanan aktiviti yang baginya komputer itu digunakan; atau (b) dengan apa-apa cara atau sehingga apa-apa takat terlibat, secara langsung atau tidak langsung, dalam pengeluaran dokumen itu oleh komputer itu.*

*Seksyen 90 (B): Dalam menganggarkan nilai, jika ada, yang hendak diberikan kepada sesuatu dokumen, atau sesuatu pernyataan yang terkandung dalam suatu dokumen, yang diterima menurut kuasa seksyen 90A, mahkamah— (a) boleh membuat apa-apa kesimpulan yang munasabah daripada hal keadaan yang berhubungan dengan dokumen atau pernyataan itu, termasuklah cara dan tujuan pewujudannya, atau ketepatannya atau selainnya; (b) hendaklah mengambil kira— (i) lat masa antara berlakunya atau wujudnya fakta yang dinyatakan dalam dokumen atau pernyataan itu dengan pembekalan maklumat atau hal yang berkaitan itu ke dalam komputer; dan (ii) sama ada atau tidak orang yang membekalkan, atau mana-mana orang yang terlibat dalam pembekalan, maklumat itu atau penjagaan dokumen itu, atau dokumen yang mengandungi pernyataan itu, mempunyai apaapa insentif untuk menyembunyikan atau menyalahnyatakan semua atau mana-mana fakta yang dinyatakan dalam dokumen atau pernyataan itu.*

*Seksyen 90 (C): Peruntukan seksyen 90A dan 90B hendaklah mengatasi dan mempunyai kuat kuasa dan kesan sepenuhnya walau apa pun apaapa jua yang tidak selaras dengannya, atau berlawanan dengannya, yang terkandung dalam mana-mana peruntukan lain Akta ini, atau dalam Akta Buku Jurubank (Keterangan) 1949 [Akta 33], atau dalam mana-mana peruntukan mana-mana undangundang bertulis yang berhubungan dengan pemerakuan, pengeluaran atau pencabutan dokumen atau dalam mana-mana rukun undang-undang atau amalan yang berhubungan dengan pengemukaan, penerimaan, atau pembuktian, keterangan dalam mana-mana prosiding jenayah atau sivil.*

Ketiadaan peruntukan di atas dalam Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah menyukarkan keterangan berbentuk digital atau keterangan elektronik untuk dikemukakan seperti e-mail, video digital, gambar digital, log transaksi, ATM, *instant message histories* termasuklah media sosial di alam siber seperti aplikasi Facebook, Instagram, WhatsApp, laman web, blog dan seumpamanya. Hasil analisis forensik digital juga tidak dapat dikemukakan dengan ketiadaan peruntukan ini dalam Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah. Kepentingan dan kedudukan dokumen yang dikeluarkan oleh komputer telah dinyatakan melalui beberapa kes seperti kes *Gnanasegaran a/l Pararajasingam lwn PP* dan kes *Hanafi Mat Hassan lwn PP*. Berdasarkan kes tersebut, mahkamah menyatakan bahawa peruntukan ini penting untuk memudahkan sesuatu dokumen digital yang dicetak komputer untuk dikemukakan di mahkamah.

Di samping itu, ketiadaan peruntukan berkaitan dengan anggapan dalam penerbitan sebagaimana yang diperuntukkan melalui seksyen 114A Akta 56 menyukarkan pihak pendakwaan untuk membuktikan sesuatu fakta material. Seksyen ini memperuntukkan:

Seksyen 114A (1): *Seseorang yang nama, fotograf atau nama samarannya terdapat pada mana-mana penyiaran yang menggambarkan dirinya sebagai pemunya, hos, pentadbir, editor atau sub editor atau yang mengikut apa-apa cara memudahkan untuk menyiarkan atau menyiarkan semula penyiaran itu dianggap telah menyiarkan atau menyiarkan semula kandurigan penyiaran itu melainkan jika dibuktikan sebaliknya.*

Seksyen 114A (2): *Sesesorang yang berdaftar dengan pemberi perkhidmatan rangkaian sebagai pelanggan perkhidmatan rangkaian yang mana-mana penyiaran bermula adalah dianggap sebagai orang yang telah menyiarkan atau menyiarkan semula ran itu melainkan jika dibuktikan sebaliknya.*

Seksyen 114A (3): *Mana-mana orang yang mempunyai dalam jagaan atau kawalan apa-apa komputer yang mana penyiaran bermula dianggap telah menyiarkan atau menyiarkan semula kandungan penyiaran itu melainkan jika dibuktikan sebaliknya.*

Seksyen 114A (4): *Bagi maksud seksyen ini-*

(a) *"perkhidmatan rangkaian" dan "pemberi perkhidmatan rangkaian" mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam sekayen 6 Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588] dan*

(b) *"penyiaran" ertinya pernyataan atau representasi sama ada bertulis, bercetak, bergambar, filem, grafik, akustik atau bentuk lain yang dipaparkan pada skrin komputer.*

Tujuan asal peruntukan ini diwujudkan ini adalah untuk mengenal pasti individu yang bertanggungjawab ke atas penyiaran dan penyebaran bahan berunsur hasutan di alam siber. Bagi pihak berkuasa, proses menjejaki dan mengenal pasti individu yang terlibat dalam penyiaran atau penyebaran bahan berunsur hasutan di internet merupakan sesuatu yang sukar. Individu tersebut dengan mudah mengambil kesempatan menyembunyikan identiti mereka di internet kerana kesukaran pihak berkuasa mengawal internet yang luas dan terbuka. Selain itu, oleh sebab maklumat mudah berpindah dari satu pihak ke pihak yang lain, pihak berkuasa mengalami kesukaran untuk mengesan individu asal yang bertanggungjawab menyebarkan maklumat tersebut.

Tanpa peruntukan ini, pemakaian anggapan fakta untuk mengenalpasti identiti seseorang yang namanya tidak diketahui tetapi terlibat dalam sesuatu penyiaran melalui internet akan menjadi sukar. Dengan merujuk kepada peruntukan subseksyen 1, anggapan terhadap sesuatu fakta terpakai apabila pihak pendakwa berjaya membuktikan sesuatu fakta yang lain. Misalnya, anggapan fakta bahawa suspek telah membuat hantaran dalam akaun facebook akan terpakai jika pihak pendakwaan berjaya membuktikan nama suspek wujud pada akaun facebook tersebut sebagai pentadbir akaun. Jika pihak pendakwa gagal membuktikan fakta tersebut, maka anggapan fakta ini tidak terpakai (Mohd Sophian & Akmal Hamdy, 2021). Pemakaian peruntukan ini dijelaskan melalui beberapa kes seperti kes *Ahmad Abdul Jalil lwn PP* dan kes *PP lwn Aszroy Achoi*.

Tafsiran komputer dalam enakmen keterangan setiap negeri juga dilihat masih terkebelakang

berbanding Akta 56 yang telah meminda takrifan tersebut yang lebih bersesuaian dengan kes-kes terkini. Seksyen 3 Akta 56 memperuntukkan:

*“komputer” ertinya suatu peranti elektronik, magnet, optik, elektrokimia, atau peranti pemprosesan data yang lain, atau sekumpulan peranti tersaling sambung atau yang berkaitan, yang melaksanakan fungsi logik, aritmetik, storan dan paparan, dan termasuk apa-apa kemudahan storan data atau kemudahan komunikasi yang berkaitan secara langsung dengan atau dikendali bersama dengan suatu peranti atau sekumpulan peranti tersaling sambung atau yang berkaitan, tetapi tidak termasuk suatu mesin taip atau mesin pengatur huruf berautomat, atau suatu mesin kira pegang tangan mudah alih atau peranti seumpama yang lain yang tidak boleh diprogram atau yang tidak mengandungi apa-apa kemudahan storan data;*

Akta 56 juga memperuntukkan mengenai anggapan tentang perutusan telegraf dan surat elektronik dengan lebih jelas apabila memasukkan perkataan “surat elektronik” seperti email boleh diguna pakai. Seksyen tersebut menetapkan:

*Seksyen 88: Mahkamah boleh menganggap bahawa sesuatu perutusan yang dihantar dari sesuatu pejabat telegraf atau dari sesuatu sumber surat elektronik kepada orang yang kepadanya perutusan itu berupa sebagai ditujukan adalah bersamaan dengan perutusan yang telah diserahkan untuk dihantar di pejabat atau dari sesuatu sumber surat elektronik yang darinya perutusan itu berupa sebagai telah dihantar, tetapi Mahkamah tidak boleh membuat apa-apa anggapan tentang orang yang olehnya perutusan itu telah diserahkan untuk penghantaran.*

Selain itu peruntukan berkaitan dengan anggapan tentang penyempurnaan wajar dalam seksyen 89 Akta 56 lebih sesuai dengan peredaran masa dan peruntukan anggapan berhubung dokumen yang berusia dua puluh tahun sebagaimana yang dijelaskan melalui seksyen 90 Akta 56 tidak dinyatakan dalam Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah. Kedua-dua peruntukan ini memperuntukkan:

*Seksyen 89: Mahkamah hendaklah menganggap bahawa tiap-tiap dokumen yang telah diminta dan tidak dikemukakan, setelah notis supaya mengemukakannya diberikan dibawah seksyen 66, telah diaku saksi, disetem dan disempurnakan mengikut cara yang dikehendaki oleh undang-undang.*

*Seksyen 90: Jika mana-mana dokumen yang berupa sebagai atau dibuktikan berusia dua puluh tahun dikemukakan daripada manamana jagaan yang difikirkan wajar oleh mahkamah dalam hal tertentu itu, mahkamah boleh menganggap bahawa tandatangan dan tiap-tiap bahagian lain dokumen itu yang berupa sebagai tulisan tangan mana-mana orang tertentu adalah dalam tulisan tangan orang itu, dan dalam hal sesuatu dokumen yang disempurnakan atau diaku saksi, mahkamah boleh menganggap bahawa dokumen itu telah disempurnakan dan diakusaksikan dengan sewajarnya oleh orang yang olehnya ia berupa sebagai telah disempurnakan dan diakusaksikan.*

Misalan berhubung anggapan kewujudan fakta yang diperuntukkan di bawah Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah juga terhad berbanding Akta 56. Terdapat beerapa misalan yang dijelaskan melalui seksyen 114 Akta 56 yang sesuai untuk dimasukkan dalam Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah supaya lebih mudah difahami. Penulis mencadangkan beberapa misalan yang dinyatakan melalui Akta 56 berserta cadangan misalan baru diletakkan, dengan memperuntukkan:

*Mahkamah boleh menganggap-*


- (a) Bahawa tindakan kehakiman dan tindakan rasmi telah dilaksanakan mengikut aturan;*
- (b) Bahawa perjalanan biasa urusan telah diikuti dalam hal-hal tertentu.*
- (c) Bahawa seseorang yang ada dalam miliknya dokumen penerbitan sesuatu ajaran yang telah difatwakan sebagai sesat adalah pengamal ajaran tersebut*



*melainkan dia boleh menerangkan bagaimana dokumen itu berada dalam miliknya.*

- (d) *Bahawa keterangan yang boleh dikemukakan tetapi tidak dikemukakan, jika dikemukakan, tidak akan memberi manfaat kepada orang yang dikemukakannya.*
- i. *Mengenai misalan (a) suatu tindakan kehakiman, yang ketakakurannya menjadi soal, telah disempurnakan dalam hal keadaan luar biasa.*
  - ii. *Mengenai misalan (b) soalnya ialah sama ada suatu surat telah diterima. Adalah ditunjukkan bahawa surat itu telah diposkan, tetapi perjalanan biasa pos telah terganggu oleh kekacauan.*
  - iii. *Mengenai misalan (c) seorang lelaki ada dalam biliknya atau dalam komputer buku-buku yang telah diharamkan penerbitannya oleh pihak berautoriti dan dia tidak dapat menerangkan dengan tepatnya bagaimana buku-buku itu ada dalam miliknya.*
  - iv. *Mengenai misalan (d), seseorang enggan mengemukakan dokumen hasil ujian paterniti DNA, mungkin keputusan hasil ujian tidak berpihak kepadanya, dokumen itu mungkin juga melukakan perasaannya dan mencemar maruah keluarganya.*

Berdasarkan mengatasi masalah yang berlaku, penulis mengenal pasti beberapa cadangan bagi menambah baik peruntukan dalam Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah. Cadangan penambahbaikan ini boleh dilihat melalui rajah di bawah:



Rajah 1: Cadangan penambahbaikan peruntukan Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah bagi penguatkuasaan kesalahan jenayah syariah di alam siber

Rajah 1 di atas memaparkan cadangan pindaan undang-undang bagi menambah baik peruntukan berhubung keterangan dalam Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah bagi penguatkuasaan kesalahan jenayah syariah di alam siber. Cadangan-cadangan ini mampu mengatasi masalah penguatkuasaan kesalahan jenayah syariah di alam siber di negara ini dengan lebih efektif.

## Penutup

Penulisan ini menyimpulkan bahawa terdapat isu yang timbul dari aspek keterangan dalam menguatkuasakan undang-undang terhadap kesalahan jenayah syariah yang berlaku di alam siber di negara ini dengan lebih berkesan. Lakuna undang-undang ini menjadi penghalang utama dalam usaha membendung penularan kesalahan jenayah syariah yang berlaku alam siber. Pada masa kini, kebanyakan kesalahan berkaitan jenayah syariah alam siber didakwa di Mahkamah Sivil. Oleh yang demikian, pihak penggubal undang-undang syariah setiap negeri perlu mengambil tindakan segera dan proaktif dari semasa ke semasa terutama berkaitan dengan lakuna peruntukan undang-undang syariah agar selaras dengan perkembangan semasa.

## Penghargaan

Kajian ini dibiayai oleh Geran Galakan Penyelidik Muda (GGPM-2023-006) Fakulti Undang-Undang Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM).

## Rujukan

Abdul Rahim, A. & Abdul Manap, N. (2004). Jenayah Berkaitan Dengan Komputer Perspektif Undang-Undang Malaysia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Ahmad Abdul Jalil lwn PP [2015] 5 CLJ 480.

Akta Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 [Akta 588].

Akta Keterangan 1950 [Akta 56].

Astro Awani. (27 September 2021). Sittah Annur PMYT Bertaubat Saya Insaf Tiada Jalan Pintas ke Syurga. Astro Awani Online. Bahan diakses pada 21 Oktober 2023, daripada <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/sittah-annur-pmyt-bertaubat-saya-insaf-tiada-jalan-pintas-ke-syurga-322090>.

Bernama. (18 November 2013). Kes Penguatkuasa Jaip ditembak Mati Skop Siasatan diperluaskan. Astro Awani Online. Bahan diakses pada 22 Oktober 2023, daripada <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kes-penguatkuasa-jaip-ditembak-mati-skop-siasatan-diperluaskan-25590>.

FMT Reporters. (4 September 2021). Sittah Annur Wanita Didakwa Ketua Ajaran Sesat Ditahan. Free Malaysia Today Online. Bahan diakses pada 21 Oktober 2023 daripada <https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2021/09/04/sittah-annur-wanita-didakwa-ketua-ajaran-sesat-ditahan/>.

Gnanasegaran a/l Pararajasingam lwn PP[1997] 3 MLJ 1.

Hanafi Mat Hassan lwn PP [2006] 4 MLJ 134.

Kassim @ Osman Ahmad lwn Dato Seri Jamil Khir Baharom & 3 yang lain [2015] 1 LNS 1424.

Mary Victoria Dass. ( 23 Mac 2023). 6 Ahli Ajaran Sesat Si Hulk Hina Nabi Di Tiktok Dikenal Pasti. Berita Harian Online. Bahan diakses pada 21 Oktober 2023, daripada <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/03/1080894/6-ahli-ajaran-sesat-si-hulk-hina-nabi-di-tiktok-dikenal-pasti>.

Mohd Rafie Azimi. (17 Jun 2023). Polis Kedah bimbang ramai wanita Islam jadi ejen judi dalam talian. Berita Harian Online. Bahan diakses pada 21 Oktober 2023 daripada <https://www.utusan.com.my/berita/2023/06/polis-kedah-bimbang-ramai-wanita-islam-jadi-ejen-judi-dalam-talian/>.

Musa, N.A & Abd Rahman Shah, H. (2020). Penyebaran Fahaman Bertentangan Akidah Islam Di

Media Sosial Dari Perspektif Undang-Undang Dan Syariah Di Malaysia. *Perdana: International Journal of Academic Research*, 9(1), 24-35.

Nor Azizah Mokhtar. (9 Mac 2021). Polis Tahan Lelaki Mengaku Murtadkan Wanita. Berita Harian Online. Bahan diakses pada 22 Oktober 2023 daripada <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2021/03/794478/polis-tahan-lelaki-mengaku-murtadkan-wanita>.

Nor Shafawati Yup. (28 Februari 2023). Pengasas Ajaran Sesat Kumpulan Zikir Asmaul Husna Tidak Mengaku Sebar Ajaran Salah. Utusan Online. Bahan diakses pada 20 Oktober 2023 daripada <https://www.utusan.com.my/berita/2023/02/pengasas-ajaran-sesat-kumpulan-zikir-asmaul-husna-tidak-mengaku-sebar-ajaran-salah/>.

Pendakwa Syarie Iwn. Fahyu Hanim, Noni Mohamad & Sharina Shaari (Kes Jenayah Bil.238/239/240 Tahun 1997 dan Kes Jenayah Bil. 510/511/512 Tahun 1997).

PP Iwn Aszroy Achoi [2018] 8 CLJ 762.

Reg Iwn Khoo Guan Teik [1957] 23 MLJ 128.

Safeek Affendy Razali. (6 April 6 2020). Judi atas talian meningkat semasa PKP. Berita Harian Online. Bahan diakses pada 22 Oktober 2023 daripada [https://www.bharian.com.my/berita/kes/2020/04/673825/judi-atas-talian-meningkat-semasa-pkp?fbclid=IwAR3aTb2I7D3XUX0OULBJRLLrVzb51KO-bB46miAhmJqBMT40P0t00cr1fEc#google\\_vignette](https://www.bharian.com.my/berita/kes/2020/04/673825/judi-atas-talian-meningkat-semasa-pkp?fbclid=IwAR3aTb2I7D3XUX0OULBJRLLrVzb51KO-bB46miAhmJqBMT40P0t00cr1fEc#google_vignette).

Samadi Ahmad. (21 Julai 2022). Penghantar Makanan didenda RM 5,000 Hina Islam Rasulullah SAW. Berita Harian Online. Bahan diakses pada 22 Oktober 2023 daripada <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2022/07/978680/penghantar-makanan-didenda-rm50000-hina-islam-rasulullah-saw>.

Shamsuddin Hassan Iwn PP [1991] 3 MLJ 314.

Saifuddin,S., Mohd Shariff, A.A., Md.Said, M.H., Yahya, M.A. (2021). Kepentingan Aspek Keterangan dalam Penulisan Alasan Penghakiman Kes Jenayah Syariah di Malaysia: Satu Analisis. *Islāmiyyāt*, 43,67 – 77. <https://doi.org/10.17576/islamiyyat-2021-43IK-06>.

Sulong, J. (2016). Pemeliharaan Akidah Islam. *Afkar*. 18, 1-34.

Utusan Malaysia. (21 November 2017). Perangi Judi dalam Talian. *Utusan Malaysia*, 11.

Zakaria, M.S & Baharudin, A.H.(2021). *Kesalahan Media Sosial Manual Siasatan dan Pendakwaan*. Putrajaya: Jabatan Peguam Negara.